



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH KONTEKS DAN SUMBER TERHADAP PROSES DALAM
PENGURUSAN PELAKSANAAN KURIKULUM STANDARD
SEKOLAH RENDAH DI SELANGOR**

LIZAMASAYU BINTI IDRIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengaruh konteks dan sumber terhadap proses pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di Selangor berdasarkan Model CIPP. Ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan untuk mengutip data. Sampel kajian merupakan 221 orang guru Sekolah Berprestasi Tinggi di Selangor. Data kajian ini telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian analisis deskriptif menunjukkan pengetahuan guru (konteks) dan kemahiran guru (sumber) berada pada tahap tinggi. Tahap latihan guru (sumber) pula memenuhi keperluan tetapi kemudahan prasarana (sumber) berada pada tahap kurang memenuhi keperluan dalam pengurusan pelaksanaan KSSR. Tahap pendekatan pengajaran dan pendekatan pentaksiran (proses) adalah selaras dengan kehendak KSSR. Penyeliaan pengajaran dan pembelajaran juga telah dilaksanakan dengan baik sepanjang pelaksanaan KSSR. Analisis regresi pelbagai pula menunjukkan wujud pengaruh yang signifikan dalam kombinasi faktor-faktor konteks dan sumber terhadap pendekatan pengajaran, pendekatan pentaksiran dan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran (proses). Dapatan kajian merumuskan bahawa tiga komponen utama dalam pengurusan pelaksanaan KSSR iaitu konteks, sumber dan proses telah dilaksanakan dengan berkesan. Walau bagaimanapun bagi meningkatkan tahap keberkesanan pengurusan pelaksanaan KSSR pengetahuan guru, kemahiran guru, latihan guru, kemudahan prasarana, pendekatan pengajaran, pendekatan pentaksiran serta penyeliaan pengajaran dan pembelajaran perlu ditambah baik secara berterusan.





THE INFLUENCE OF CONTEXT AND SOURCES ON THE PROCESS IN THE MANAGEMENT OF THE IMPLEMENTATION OF THE PRIMARY SCHOOL STANDARD CURRICULUM IN SELANGOR

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the influence of context and sources on the process of the implementation of Primary School Standard Curriculum (KSSR) in Selangor based on CIPP Model. This is a quantitative study that used the survey as a method to collect data. The sample was amongst the 221 high-performance school teachers in Selangor. The data was analyzed using descriptive and inference analysis. The descriptive analysis findings showed that the level of teachers' knowledge (context) and teachers' skill (sources) was high. The level of teachers' training (sources) was sufficient but the level of infrastructure facilities (sources) provided was insufficient during the management of the implementation of KSSR. The level of the teaching approaches and assessment approaches was consistent with KSSR. Also, teachers' supervision was well conducted during the implementation of KSSR. The findings of multiple regression analysis on the other hand, showed that there was significance influence of context and sources factors on the teaching approaches, assessment approaches and teachers' supervision (process). The findings summarized that the three components in the management of the implementation of KSSR such as context, sources, and process were effectively implemented. However, in order to increase the effectiveness level of the management of the implementation of the KSSR, teachers' knowledge, teachers' skill, teachers training, infrastructure facilities, teaching approaches, assessment approaches and teachers' supervision need continuous improvement.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

vi

KANDUNGAN

Muka surat	ii
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Soalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kerangka Teori Kajian	10



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

vi



1.7.1	Rasional Pemilihan Model CIPP Oleh Stufflebeam Sebagai Asas Kerangka Teori Kajian	11
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	12
1.9	Kepentingan Kajian	14
1.10	Batasan Kajian	14
1.11	Definisi Operasional	15
1.11.1	Dimensi Konteks	16
1.11.2	Dimensi Sumber	16
1.11.3	Dimensi Proses	16
1.11.4	Pengurusan Pelaksanaan Kurikulum	17
1.11.5	Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)	17
1.11.6	Pengetahuan Guru	18
1.11.7	Kemahiran Guru	18
1.11.8	Latihan Guru	18
1.11.9	Kemudahan Prasarana	19
1.11.10	Pendekatan Pengajaran	19
1.11.11	Pendekatan Pentaksiran	19
1.11.12	Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran	20
1.11.13	Sekolah Berprestasi Tinggi	20
1.12	Kesimpulan	21
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	22
2.1	Pengenalan	22





2.2 Konsep Kurikulum	22
2.3 Perubahan Kurikulum di Malaysia	24
2.4 Kurikulum Standard Sekolah Rendah	25
2.5 Pengurusan Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah	29
2.6 Pengetahuan Guru	31
2.7 Kemahiran Guru	32
2.8 Latihan Guru	34
2.9 Kemudahan Prasarana	36
2.10 Pendekatan Pengajaran	38
2.11 Pentaksiran dan Pendekatannya	40
2.12 Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran	42
2.13 Model Penilaian Program dan Penilaian Kurikulum	43
2.13.1 Model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam	50
2.14 Kajian-kajian Lepas Berdasarkan Model Penilaian CIPP	53
2.15 Sekolah Berprestasi Tinggi	58
2.16 Kesimpulan	60
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	61
3.1 Pengenalan	61
3.2 Reka Bentuk Kajian	62
3.3 Prosedur Kajian	62
3.4 Lokasi Kajian	63





3.5 Populasi dan Sampel Kajian	64
3.6 Instrumen Kajian	65
3.6.1 Soal Selidik	66
3.6.1.1 Kesahan Instrumen Kajian	68
3.7 Kebolehpercayaan Instrumen	68
3.8 Kajian Rintis	69
3.9 Kaedah Pengumpulan Data	71
3.10 Kaedah Penganalisisan Data	71
3.10.1 Analisis Deskriptif dan Inferensi	73
3.11 Kesimpulan	77

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

78



4.1 Pengenalan	78
4.2 Demografi Responden	78
4.2.1 Profil Guru	79
4.3 Huraian Deskriptif	81
4.3.1 Apakah tahap pengetahuan guru (konteks) dalam pengurusan pelaksanaan KSSR di SBT?	82
4.3.2 Apakah tahap kemahiran guru, latihan guru dan kemudahan prasarana (sumber) dalam pengurusan pelaksanaan KSSR di SBT?	84
4.3.2.1 Tahap Kemahiran Guru	84
4.3.2.2 Tahap Latihan Guru	85
4.3.2.3 Tahap Kemudahan Prasarana	87
4.3.3 Apakah tahap pendekatan pengajaran, pendekatan pentaksiran dan penyeliaan pengajaran dan	



pembelajaran (proses) dalam pengurusan pelaksanaan KSSR di SBT?	88
4.3.3.1 Tahap Pendekatan Pengajaran	88
4.3.3.2 Tahap Pendekatan Pentaksiran	90
4.3.3.3 Tahap Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran	91
4.4 Ringkasan Dapatan Kajian Analisis Deskriptif	92
4.5 Ujian Kenormalan	93
4.6 Huraian Inferensi	94
4.6.1 Adakah pengaruh yang signifikan pengetahuan guru, kemahiran guru, latihan guru dan kemudahan prasarana terhadap pendekatan pengajaran dalam pengurusan pelaksanaan KSSR di SBT?	95
4.6.2 Adakah pengaruh yang signifikan pengetahuan guru, kemahiran guru, latihan guru dan kemudahan prasarana terhadap pendekatan pentaksiran dalam pengurusan pelaksanaan KSSR di SBT?	97
4.6.3 Adakah pengaruh yang signifikan pengetahuan guru, kemahiran guru, latihan guru dan kemudahan prasarana terhadap pendekatan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengurusan pelaksanaan KSSR di SBT?	100
4.7 Ringkasan Dapatan Kajian Inferensi	103
4.8 Rumusan	104
BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	105
5.1 Pengenalan	105
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	105
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	109
5.3.1 Tahap Pengetahuan Guru dalam Pengurusan Pelaksanaan KSSR di SBT	109



5.3.2	Tahap Kemahiran Guru Dalam Pengurusan Pelaksanaan KSSR di SBT	110
5.3.3	Tahap Latihan Guru Dalam Pengurusan Pelaksanaan KSSR di SBT	111
5.3.4	Tahap Kemudahan Prasarana Yang Disediakan Dalam Pengurusan Pelaksanaan KSSR di SBT	112
5.3.5	Tahap Pendekatan Pengajaran Guru Dalam Pengurusan Pelaksanaan KSSR di SBT	113
5.3.6	Tahap Pendekatan Pentaksiran Guru Dalam Pengurusan Pelaksanaan KSSR di SBT	114
5.3.7	Tahap Pendekatan Penyeliaan Pengajaran & Pembelajaran Dalam Pengurusan Pelaksanaan KSSR di SBT	115
5.3.8	Pengaruh pengetahuan guru (konteks), kemahiran guru, latihan guru dan kemudahan prasarana (sumber) terhadap pendekatan pengajaran (proses)	116
5.3.9	Pengaruh pengetahuan guru (konteks), kemahiran guru, latihan guru dan kemudahan prasarana (sumber) terhadap pendekatan pentaksiran (proses)	117
5.3.10	Pengaruh pengetahuan guru (konteks), kemahiran guru, latihan guru dan kemudahan prasarana (sumber) terhadap penyeliaan pengajaran dan pembelajaran (proses)	118
5.3.11	Tahap Pengurusan Pelaksanaan KSSR di SBT	118
5.4	Implikasi Kajian	119
5.5	Cadangan	121
5.5.1	Cadangan Tindakan	122
5.5.2	Cadangan Kajian Lanjutan	123
5.6	Penutup	124





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

RUJUKAN

125

LAMPIRAN

132



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
2.1 Perbezaan KBSR dan KSSR	26
2.2 Kerangka Standard Prestasi	28
2.3 Tempoh Pemilihan SBT	58
4.1 Demografi Responden Kajian	80
4.2 Interpretasi Skor Min Bagi Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Guru	81
4.3 Interpretasi Skor Min Mengikut Faktor	82
4.4 Skor Min dan Sisihan Piawai Pengetahuan Guru	82
4.5 Skor Min dan Sisihan Piawai Kemahiran Guru	84
4.6 Skor Min dan Sisihan Piawai Latihan Guru	86
4.7 Skor Min dan Sisihan Piawai Kemudahan Prasarana	87
4.8 Skor Min dan Sisihan Piawai Pendekatan Pengajaran	89
4.9 Skor Min dan Sisihan Piawai Pendekatan Pentaksiran	90
4.10 Skor Min dan Sisihan Piawai Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran	91
4.11 Rumusan Dapatan Deskriptif bagi Setiap Pemboleh Ubah Kajian Berdasarkan Konteks, Sumber dan Proses	93
4.12 Ringkasan Model	95





4.13 Anova	95
4.14 Coefficients	96
4.15 Ringkasan Model	98
4.16 Anova	98
4.17 Coefficients	99
4.18 Ringkasan Model	100
4.19 Anova	100
4.20 Coefficients	101
4.21 Rumusan Dapatan Kajian Inferensi Hasil Analisis Regresi Pelbagai	103
5.1 Rumusan Dapatan Analisis Deskriptif dan Inferensi (Regresi Pelbagai)	106





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xv

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1. Kerangka Teori Kajian daripada Model CIPP oleh Stufflebeam (Stufflebeam, D. L., & Coryn, C. L. S. (2014). Evaluation Theory, Models, and Applications Second Editio, p. 318)	11
1.2. Kerangka Konseptual Kajian	13
4.1. Rajah Normal Q-Q Plot Bagi Pemboleh Ubah Bebas dan Bersandar	94



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

AKEPT	Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi
CIPP	Context, Input, Process, Product
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
GTP	Government Transformation Programme
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KLSR	Kurikulum Lama Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
LP	Lembaga Peperiksaan
NKRA	National Key Results Areas
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SBT	Sekolah Berprestasi Tinggi
UNESCO	United Nations Educational Scientific and Cultural Organization





SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Instrumen Soal Selidik	132
B Pengesahan Soal Selidik	137
C Surat Kelulusan Menjalankan Kajian	138
D Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	139
E Kandungan Mata Pelajaran Bermodul Tahap Satu dan Peruntukan Masa	140
F Kandungan Mata Pelajaran Teras dan Elektif Tahap Dua dan Peruntukan Masa	141
G Jadual Penentuan Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1971)	142
H Output Data Kajian Menggunakan Perisian IBM SPSS 20.0	143





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Agenda membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia telah mula diberi perhatian



di dalam laporan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 lagi. Kenyataan ini menunjukkan bahawa pendidikan negara telah menjadikan cabaran global sebagai elemen dalam usaha memantapkan sistem pendidikan di Malaysia.

Oleh sebab itu dalam merealisasikan pendidikan yang berkualiti, perubahan yang telah dilakukan terhadap kurikulum haruslah disusuli dengan perubahan antaranya daripada aspek pengetahuan guru (konteks), kemahiran guru, latihan guru dan kemudahan prasarana (sumber) yang dapat memenuhi keperluan dalam melaksanakan kurikulum. Di samping itu, aspek pendekatan pengajaran, pendekatan pentaksiran dan pendekatan penyeliaan pengajaran (proses) juga seharusnya lebih terbuka dan bersifat interaktif dengan penggunaan internet yang menekankan murid sebagai pembina bahan dan penjana pembelajaran. Kesemua aspek konteks, sumber





dan proses ini digunakan oleh penyelidik dengan merujuk kepada Model CIPP oleh Stufflebeam (2014).

1.2 Latar Belakang Kajian

Transformasi kurikulum dalam sistem pendidikan telah melalui beberapa fasa. Antaranya ialah pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah pada tahun 1983 yang menggantikan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR). Kemudian ditukar kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1993. Seterusnya pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 dan yang terbaru pelaksanaan secara berperingkat Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) sejak tahun 2011 sehingga kini (Ikhsan dan Norila, 2014).



Sejak lima tahun lepas transformasi kurikulum ini telah menuntut komitmen yang tinggi daripada semua pihak dalam bidang pendidikan bagi memastikan kejayaannya. Tidak dinafikan bahawa selain barisan pentadbiran sekolah, guru-guru juga merupakan golongan pengurus dan pelaksana yang sangat penting sepanjang proses pelaksanaan KSSR. Oleh kerana perubahan telah berlaku kepada kurikulum maka guru-guru perlu sentiasa menyiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran-kemahiran terkini yang dihasratkan supaya KSSR dapat diuruskan dan dilaksanakan dengan berkesan (Abu Bakar, 2013). Di sinilah pentingnya latihan guru seperti program pembangunan profesional berterusan bagi membantu guru meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mengaplikasikan pengajaran dan pentaksiran yang berkesan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat.





Sebagaimana yang dinyatakan oleh Abu Bakar (2013) elemen baru dalam pendekatan pengajaran dalam pelaksanaan KSSR ialah penggunaan strategi bilik darjah oleh guru. Guru diberikan budi bicara untuk mengurus pembelajaran dengan pelbagai cara seperti lawatan galeri dan penggunaan peta I-Think asalkan iaanya berbentuk pemusatan murid dan menggalakkan kemahiran berfikiran kritikal, kreatif dan inovatif. Guru juga dikehendaki menyesuaikan pendekatan ini dengan mengambil kira kepelbagaian kecerdasan murid.

Pendekatan pentaksiran dalam KSSR pula memberi penekanan kepada mengenal pasti potensi serta kelemahan murid supaya potensi ini dapat dikembangkan dengan maksimum dan menyeluruh dari aspek intelek, moral, emosi dan fizikal. Lembaga Peperiksaan telah melaksanakan format pentaksiran berdasarkan sekolah



keberhasilan yang lebih menyeluruh ini. Maklumat daripada pentaksiran ini dapat digunakan untuk mengambil langkah-langkah pemulihan murid secara individu. Guru diharapkan boleh melaksanakan proses pengajaran yang lebih bermakna seperti yang dihasratkan dalam KSSR.

Penyeliaan pengajaran sepanjang pelaksanaan KSSR juga merupakan satu tugas yang penting dilaksanakan oleh pihak pentadbir sekolah kerana sebagai pemimpin profesional tanggungjawab utama pengetua dan guru besar ialah untuk memastikan kejayaan pelaksanaan kurikulum di sekolahnya sebagaimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Khas Bilangan 3/87 bahawa pihak pengurusan sekolah hendaklah menjalankan penyeliaan agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan berkesan.





Perubahan kurikulum ini berlaku di semua sekolah di Malaysia termasuklah di Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). SBT telah diilhamkan dalam salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang ketiga bagi memastikan pendidikan yang berkualiti di Malaysia. Sehingga kini inisiatif SBT diteruskan di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan sehingga 30 Oktober 2014 sebanyak 128 buah sekolah dari seluruh negara telah diiktiraf sebagai SBT. SBT ditubuhkan dengan hasrat dapat membina modal insan nasional yang berkembang secara holistik serta mampu berdaya saing di arena global sesuai dengan hasrat KPM melalui pelaksanaan KSSR kini.

1.3 Penyataan Masalah



Berdasarkan Laporan KPM (2013b) masalah yang wujud daripada aspek konteks ialah kebanyakan guru masih belum memahami objektif kurikulum dan elemen-elemen asas kurikulum seperti pembelajaran bersepadu, pendidikan holistik, kreativiti dan inovasi. Berdasarkan laporan tersebut tahap pengetahuan guru yang sedikit tentang objektif kurikulum dan elemen-elemennya mempengaruhi kurikulum yang diajar kerana dalam pengurusan pelaksanaan KSSR guru dituntut supaya menyesuaikan pendekatan dengan mengambil kira objektif dan menerapkan elemen-elemen di dalam KSSR.

Seterusnya isu dan masalah yang wujud ialah daripada aspek sumber iaitu terdapat guru yang kurang mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebagaimana yang diinginkan dalam kurikulum bertulis (KPM, 2013b). Ini disebabkan oleh penguasaan guru yang lemah dalam KBAT ini. Pencapaian rendah Malaysia dalam bidang Bacaan, Matematik dan





Sains jika dibandingkan dengan purata peringkat antarabangsa dalam pentaksiran PISA 2009 pula membuktikan wujudnya masalah ini sejak pelaksanaan KBSR lagi. Pentaksiran ini menilai kemahiran berfikir aras tinggi dan kebolehan murid menyelesaikan masalah dalam dunia yang sebenar. Asas inilah yang telah mencetuskan pelaksanaan KSSR pada tahun 2011 (KPM, 2012).

Dari aspek latihan guru, kajian Fazliza, Zurida dan Nooraida (2012) mendapati guru-guru Sains Tahun Satu kurang jelas tentang konsep menaakul walaupun telah diberikan latihan. Ini menunjukkan kursus yang diberi kurang berkesan akibat kaedah latihan yang kurang sesuai. Dari segi kemudahan prasarana pula, menurut Abu Bakar (2013) kerajaan sentiasa memberi kemudahan dan sokongan dalam melaksanakan kurikulum namun dapatan kajian Kameiza (2015) mendapati dalam melaksanakan



memenuhi keperluan murid.

Antara isu dan masalah dari aspek proses pula ialah amalan pendekatan pengajaran guru yang lemah sejak pelaksanaan KBSR lagi (KPM, 2012). Terdapat beberapa faktor yang mendasari masalah ini iaitu yang pertama ialah guru tidak memasukkan kandungan dan kemahiran yang tidak diuji dalam peperiksaan awam seperti UPSR. Dapatan kajian Rozita dan Abdul Rasid (2012) pula mendapati pendidik masih mengekalkan pendekatan tradisional yang berpusatkan guru, bahan lama dan disiplin kerana bilangan murid yang ramai. Ini menunjukkan tiada perubahan dalam pendekatan pengajaran guru untuk meningkatkan kemahiran murid.





Selain itu wujud perbezaan pendapat tentang kualiti pengajaran di sekolah sendiri berbanding pemerhatian Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) sebagaimana yang dilaporkan di dalam PPPM 2013-2025. Walaupun guru-guru berpendapat mereka telah menyampaikan pengajaran dengan berkesan tetapi Jemaah Nazir pula berpendapat pelbagai usaha diperlukan bagi meningkatkan kemahiran guru supaya pengajaran dapat disampaikan sebagaimana yang diharatkannya dalam KSSR khususnya.

Masalah daripada aspek pendekatan pentaksiran telah berlaku semenjak pelaksanaan KBSR lagi apabila analisis dan semakan Pearson Education Group menunjukkan bahawa kurang 70 peratus soalan peperiksaan Bahasa Inggeris UPSR tahun 2011 hanya menguji aspek pengetahuan dan kefahaman sahaja. Mereka



menguji kemahiran berfikir aras tinggi dalam soalan peperiksaan yang merangkumi aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian (KPM, 2013b). Ini menunjukkan bahawa guru yang menyediakan soalan peperiksaan juga masih belum menguasai sepenuhnya aspek KBAT dalam pentaksiran. Kelemahan ini berterusan terutamanya dalam menyediakan instrumen pentaksiran yang menilai kemahiran berfikir aras tinggi untuk komponen pentaksiran sekolah lebih-lebih lagi setelah KSSR dilaksanakan.

Penyeliaan pengajaran dan pembelajaran juga merupakan salah satu aspek yang merupakan satu tugas yang penting. Menurut Carl, Stephen dan Jovita (2010) penyeliaan juga menjadi sukar kerana guru adalah golongan profesional yang mempunyai tahap perkembangan berbeza dan memerlukan pendekatan penyeliaan yang berbeza juga. Sepanjang pelaksanaan KSSR pula terdapat pihak pentadbir yang





mempunyai masalah dalam menjalankan penyeliaan kerana kekurangan pengetahuan tentang KSSR. Ini berdasarkan kajian Zaharah (2013) yang mendapati bahawa guru besar tidak yakin untuk menjalankan penyeliaan disebabkan kurangnya pengetahuan tentang dasar dan konsep KSSR. Selain itu kajian Zaharah (2013) juga mendapati bahawa terdapat guru besar yang beranggapan guru tidak dapat mengawal kelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran apabila murid terlalu aktif dan bising. Sedangkan menurut Kameiza (2015) pembelajaran aktif adalah elemen yang penting dalam KSSR kerana pengajaran adalah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka menguasai kemahiran melalui pengalaman sendiri dan dapat berinteraksi untuk membina kemahiran berbahasa.

Pelaksanaan KSSR juga menuntut semua guru terutamanya di SBT



apakah faktor penyumbang utama kepada pengajaran berkesan di sekolah berprestasi tinggi dan sekolah lain umumnya. Ini kerana menurut Abu Bakar (2013) pengajaran untuk membolehkan murid menggunakan kemahiran berfikir secara inovatif, kreatif dan luar biasa amat sukar dirancang dan dilaksanakan. Dapatan kajian Abdul Rahim dan Chia (2014) mendapati bahawa kehadiran kursus guru memberi sumbangan tertinggi dalam pengajaran efektif. Manakala prestasi sekolah pula paling kurang menyumbang dalam pengajaran efektif. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru harus terus membina ilmu serta membangunkan diri dalam pengajaran yang berkesan dan tidak dibatasi oleh prestasi sekolah di mana guru tersebut berkhidmat.





Oleh itu kajian ini dilakukan bagi melihat tahap pengurusan pelaksanaan KSSR oleh guru-guru di Sekolah Berprestasi Tinggi dari aspek konteks (pengetahuan), sumber (kemahiran, latihan dan kemudahan prasarana) dan proses (pendekatan pengajaran, pendekatan pentaksiran dan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran) serta faktor-faktor (konteks dan sumber) yang mempengaruhi pelaksanaannya (proses).

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengurusan pelaksanaan KSSR di Sekolah Berprestasi Tinggi di Selangor dari aspek konteks, sumber dan proses berdasarkan Model Penilaian CIPP dan faktor-faktor yang mempengaruhi proses pelaksanaannya.



- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru (konteks), kemahiran guru, latihan guru, kemudahan prasarana (sumber), tahap pendekatan pengajaran, pendekatan pentaksiran dan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran (proses) dalam pengurusan pelaksanaan KSSR di SBT.

- ii. Mengkaji pengaruh pengetahuan (konteks), kemahiran guru, latihan guru dan kemudahan prasarana (sumber) terhadap pendekatan pengajaran, pendekatan pentaksiran dan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran (proses) dalam pengurusan pelaksanaan KSSR di SBT.





1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian yang cuba dijawab adalah seperti berikut :

- i. Apakah tahap pengetahuan guru (konteks) dalam pengurusan pelaksanaan KSSR di SBT?
- ii. Apakah tahap kemahiran guru, latihan guru dan kemudahan prasarana (sumber) dalam pengurusan pelaksanaan KSSR di SBT?
- iii. Apakah tahap pendekatan pengajaran, pendekatan pentaksiran, dan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran (proses) dalam pengurusan pelaksanaan KSSR di SBT?
- iv. Adakah pengaruh yang signifikan pengetahuan guru (konteks), kemahiran guru, latihan guru dan kemudahan prasarana (sumber) terhadap pendekatan pengajaran (proses) dalam pengurusan pelaksanaan KSSR di SBT?
- v. Adakah pengaruh yang signifikan pengetahuan guru (konteks), kemahiran guru, latihan guru dan kemudahan prasarana (sumber) terhadap pendekatan pentaksiran (proses) dalam pengurusan pelaksanaan KSSR di SBT?
- vi. Adakah pengaruh yang signifikan pengetahuan guru (konteks), kemahiran guru, latihan guru dan kemudahan prasarana (sumber) terhadap penyeliaan pengajaran dan pembelajaran (proses) dalam pengurusan pelaksanaan KSSR di SBT?

